

Penawar kanser perlu kajian lanjut

BERITA mengenai penemuan sejenis bahan antikanser dari herba lempoyang oleh pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM) mungkin berita yang paling menarik dan hangat diperkatakan ketika ini. Ia dikatakan dapat merawat prakanser dan kanser serviks sekali gus berkemungkinan dapat mengurangkan kadar kes kanser serviks pada masa depan.

Tahniah diucapkan kepada pensyarah UPM terabit yang gigih menjalankan kajian, lebih-lebih lagi di dalam mencari kaedah berkesan merawat penyakit yang sangat menakutkan iaitu kanser.

Saya sebagai seorang pakar yang sudah bertahun-tahun merawat kanser serviks terpanggil untuk memberi komen ke atas penemuan itu kerana ia mempunyai kaitan rapat dengan kerjaya saya. Saya pasti akan menerima banyak pertanyaan mengenai kaedah baru rawatan prakanser dan kanser serviks ini selepas ia diuar-uarkan keba-

nyakan media tempatan.

Untuk pengetahuan semua, sebenarnya banyak ubat antikanser moden yang digunakan hari ini bersumberkan bahan semula jadi seperti daun dan kulit pokok. Sebagai contohnya, ubat kemoterapi yang dikenali sebagai taxanes (paclitaxel, docetaxel) diperolehi dari pokok Yew.

Bagaimanapun, sebelum bahan itu digunakan ke atas manusia, ia akan melalui peringkat kajian yang sangat terperinci bermula dari kajian makmal, kemudian kajian ke atas haiwan dan seterusnya apabila didapati selamat dan berkesan ke atas haiwan, barulah kajian dilakukan ke atas sekumpulan besar pesakit yang bersetuju untuk diuji.

Dalam menjalankan kajian ke atas manusia, sekurang-kurangnya dua kumpulan pesakit akan digunakan, iaitu pesakit yang menerima ubat baru itu dan pesakit yang tidak menerima ubat berkenaan. Kumpulan kedua ini dikenali sebagai kumpulan 'control', bertujuan menolak sebarang kemungkinan ke-

san 'placebo' oleh ubat yang dikaji. Kajian akan menumpukan dua aspek penting iaitu keberkesanan dan keselamatan.

Selepas ubat baru itu didapati berkesan dan selamat digunakan, barulah ia akan melalui proses mendapatkan kebenaran untuk digunakan ke atas pesakit kanser.

Kesimpulannya, sebelum sesuatu penemuan itu dapat disahkan dan diakui selamat digunakan oleh pesakit, ia perlu melalui proses kajian yang sangat terperinci. Ini adalah penting kerana penyakit kanser adalah penyakit yang sangat berbahaya dan boleh membawa maut serta sangat sukar diubati.

Sebarang penemuan baru yang berkaitan dengan pencegahan dan rawatan penyakit kanser yang sangat berbahaya ini hendaklah melalui proses kajian yang saya sebutkan, sebelum ia dapat diiktiraf sebagai berkesan dan selamat digunakan.

Jika ia hanya sekadar kajian makmal dan dilakukan ke atas beberapa haiwan, ma-

ka penemuan itu lebih kepada penemuan awal dan adalah masih jauh perjalanan sebelum ia boleh dikatakan berkesan dan selamat digunakan ke atas manusia.

Penemuan awal seumpama ini, jika diuar-uarkan kepada masyarakat, dibimbangi akan menyebabkan salah anggap dan kekeliruan yang boleh memudaratkan ramai wanita terutama yang menghidap prakanser dan kanser serviks.

Saya ingin mencadangkan jika penemuan abstrak herba lempoyang ini baru pada peringkat makmal dan kajian ke atas haiwan, adalah amat baik jika ia dapat dilanjutkan kajian itu ke atas manusia atau pesakit sebelum disahkan berkesan dan selamat digunakan.

**DR MOHD RUSHDAN
MD NOOR,**

*Ketua Jabatan O&G,
Pakar Perunding Ginekologi
Onkologi,*

*Unit Ginekologi Onkologi,
Hospital Sultanah Bahiyah
Alor Setar, Kedah.*